

Islam tak larang rai Tahun Baru Cina



Bersama
Prof Dr Taufiq
Yap Yun Hin

serta ia sendiri mengerjakan amal yang soleh sambil berkata: “Sesungguhnya aku adalah daripada orang-orang Islam (yang berserah kepada Allah)! (Surah Fussilat, ayat 33)

Tahun Baru Cina yang disambut baru-baru ini adalah sambutan kedatangan tahun baru mengikut kalendar lunar Cina. Ia satu perayaan adat yang tiada kaitan dengan permasalahan akidah Masyarakat Cina Muslim.

Mereka berasa bertuah kerana dapat merayakan sambutan Tahun Baru Cina bersama keluarga yang bukan beragama Islam.

Begitu juga masyarakat Islam daripada bangsa lain, mereka dapat meraikan bersama sahabat atas dasar kemasyarakatan, hubungan sosial serta sebagai tanda meraikan mereka yang bergembira menyambut perayaan itu.

Gong Xi Fa Cai (Mandarin) atau Kung Hee Fatt Choy (Hakka) atau Kung Hey Fatt Choy (Kantonis) adalah ucapan yang popular dilafazkan dalam



sambutan Tahun Baru Cina.

Ia bermakna semoga bertambah rezeki atau selamat bertambah makmur. Dalam kalangan orang Islam, ucapan itu hampir sama dengan maksud semoga dimudahkan rezeki yang sering dilafazkan ketika menyambut hari lahir atau majlis lain.

Manusia perlu saling mendoakan supaya Allah SWT sentiasa melimpahkan rezeki kepada kita sepanjang masa.

Dengan kedatangan

tahun baru diharap akan bertambah rezeki, diberikan kesihatan yang baik serta dipermudahkan segala urusan.

Sebab itulah, masyarakat Cina mempercayai ada pantang larang yang perlu diikuti supaya tidak menghalang atau menolak kedatangan rezeki.

Bagi seorang Muslim, tanpa mengira bangsa dan keturunan, mereka mempercayai rezeki datangnyanya daripada Allah SWT dan tidak ada sebarang perbuatan yang boleh menghalang rezeki daripada

Allah SWT.

Rezeki Allah SWT juga tidak datang secara ‘percuma’. Manusia perlu berusaha untuk mendapatkan rezeki.

Allah SWT tidak akan mengubah nasib seseorang melainkan diri mereka sendiri berusaha mengubahnya.

Rezeki bukan hanya datang dalam bentuk wang semata-mata. Ia juga dalam bentuk kasih sayang, kesihatan yang baik, ketenangan jiwa, anak yang soleh dan keluarga bahagia.

Untuk mendapatkan rezeki yang berkat dan melimpah ruah, setiap individu Muslim perlu menjaga hubungannya dengan sumber pemberi rezeki iaitu Allah SWT.

Ramai manusia terlupa Allah SWT Yang Maha Pemberi Rezeki. Sesekali kita mengeluh apabila rezeki yang diperoleh tidak mencukupi atau terlalu sibuk mencari rezeki sehingga mengabaikan tanggungjawab sebagai seorang hamba.

Firman Allah SWT yang bermaksud: “Hai manusia, ingatlah akan nikmat Allah kepadamu. Adakah Pencipta selain Allah yang dapat memberikan rezeki kepada kamu dari langit dan bumi?” (Surah Fathir, ayat 3)

Dalam satu lagi firman Allah SWT yang bermaksud: “Katakanlah: “Siapakah yang memberi rezeki kepadamu dari langit dan dari bumi?” Katakanlah: “Allah.” (Surah Saba’, ayat 24)

**Penulis Presiden
Persatuan Cina Muslim
Malaysia (MACMA) dan
profesor di Jabatan
Kimia, Fakulti Sains
Universiti Putra Malaysia**

Islam memberikan hak beragama dan pengamalan budaya kepada seluruh manusia. Islam tidak pernah menafikan hak beragama sebagaimana yang dipamerkan Nabi Muhammad SAW ketika berada di Madinah.

Ketika itu, masyarakat terdiri daripada individu beragama Yahudi, Nasrani dan golongan musyrikin. Islam mengajak seluruh manusia kepada Islam tetapi tanpa paksaan.

Selain itu, Islam juga menyuruh umatnya taat kepada agama serta bangga dengan keIslamannya. Jati diri yang dibentuk akhirnya melahirkan peribadi utuh sebagai seorang Muslim.

Allah SWT berfirman yang bermaksud: “Dan tidak ada yang lebih baik perkataannya daripada orang yang menyeru kepada (mengesakan dan mematuhi perintah) Allah